

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**1223/1**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 1**

**November**

**2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

# **PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

---

## **JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan.*
5. *Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>1</b>	20	
<b>2</b>	20	
<b>3</b>	20	
<b>4</b>	20	
<b>5</b>	20	
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

*Jawab semua soalan*

- 1 (a) Firman Allah SWT. :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُنْدُلُوا بِهَا إِلَى أَحْكَامٍ لِتَأْكُلُوا فِرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ  
بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ <sup>١٨٨</sup>

(Surah al-Baqarah : Ayat 188)

Ayat di atas menjelaskan tentang larangan memberi dan mengambil rasuah.  
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud potongan ayat bergaris? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** contoh perbuatan yang dilarang Allah SWT melalui ayat yang bergaris selain memberi dan mengambil rasuah. [4 markah]



- (iii) Pada pandangan anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat bagi menangani masalah ini? Huraikan. [4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَبْعَةُ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ تَعَالَى، وَرَجُلٌ قُبْلُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلٌ كَانَ تَحْاكِبَ فِي اللَّهِ اجْتَمَعَ عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَ عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ دَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٌ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَحْقَافًا حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ حَالِيَا فَقَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT. Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **empat** golongan yang mendapat naungan tersebut. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan sekiranya mendapat naungan Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

- 2 (a) Al-Muntaqim dan al-Jabbar merupakan antara nama-nama Allah SWT yang indah.

- (i) Apakah maksud al-Muntaqim? [2 markah]
- (ii) Jelaskan azab yang ditimpakan oleh Allah SWT terhadap kaum terdahulu yang menentang syariat-Nya. [2 markah]
- (iii) Keimanan terhadap al-Jabbar melahirkan rasa gerun untuk bersikap sombang. Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud ar-Raqib. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersikap ar-Raqib. [2 markah]
- (iii) Masih terdapat anggota masyarakat melakukan dosa dan maksiat sedangkan mereka mengetahui Allah S.W.T Maha Menyaksikan. Kemukakan hujah anda mengapakah keadaan ini berlaku. [4 markah]

- (c) Mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah merupakan aliran mazhab terbesar di dunia.
- (i) Nyatakan takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **satu** prinsip utama aliran berikut :
- (a) Khawarij.  
(b) Muktazilah. [2 markah]
3. (a) (i) Apakah maksud haji dari segi istilah? [2 markah]
- (ii) Terangkan hikmah ibadah haji dan umrah dari segi rohani. [2 markah]
- (iii) Iskandar pergi ke Mekah menunaikan haji dengan membuat pembiayaan peribadi. Kemukakan hujah anda tentang situasi tersebut. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud wali. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** jenis wali. [2 markah]



- (iii) Siapakah yang sepatutnya menjadi wali kepada anak perempuannya sedangkan adik-beradik dan bapa saudaranya masih ada?  
Kemukakan hujah anda. [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** jenis kesalahan di bawah hukuman jenayah qisas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan takrif bagi salah satu kesalahan jenayah berikut :
- (a) Mencuri  
(b) Merompak [2 markah]

4. (a) Selepas kewafatan Rasulullah SAW, kerajaan Islam seterusnya dipimpin oleh Khulafa' ar-Rasyidin antaranya Khalifa Uthman bin Affan r.a.
- (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Uthman bin Affan r.a. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang politik. [2 markah]
  - (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Sultan Muhammad al-Fateh bin Murad II telah membuka kota Constantinople pada tahun 857 Hijrah bersamaan 1435 Masihi.
- (i) Nyatakan **dua** sumbangan beliau yang lain kepada kerajaan Uthmaniah. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan jawatan yang disandang bagi dua orang pemerintah tersebut iaitu :
    - (a) Sultan Uthman bin Ertughul.
    - (b) Sultan Sulaiman al-Kanunname bin Salim I. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **empat** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniah. [4 markah]
- (c) Pengasas bagi mazhab Syafie ialah Muhammad bin Idris as-Syafie.
- (i) Nyatakan **dua** nama guru bagi Al-Imam as-Syafie. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** bukti kesungguhan Al-Imam as-Syafie dalam menuntut ilmu. [2 markah]

5.

يَأَيُّهَا الْمُنَّىٰ إِذَا أَتَوْا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara)”

(Surah al-Ahzab : Ayat 70)

- (a) Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya mengamalkan bersikap benar.
- (i) Apakah maksud bersikap benar? [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** cara bersikap benar ketika berjanji. [2 markah]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَثَ كَذَبَ  
وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ

(Riwayat al-Bukhari)

Maksudnya :

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Nabi SAW telah bersabda : “Tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berkata-kata dia akan berdusta, apabila berjanji dia akan mungkir janji dan apabila diberi kepercayaan dia akan mengkhianatinya”.

- (iii) Mengapakah kita mesti menjauhi sifat munafik dalam kehidupan. Huraikan. [4 markah]
- (b) Tawaduk adalah sifat yang sangat mulia.
- (i) Jelaskan **dua** kelebihan mengamalkan sifat tawaduk kepada individu. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara bersikap tawaduk ketika bergaul dengan rakan di sekolah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** perbezaan tingkah laku murid yang bersikap tawaduk dan tidak bersikap tawaduk. [4 markah]
- (c) Umat Islam disarankan agar menjaga adab semasa menjaga dan menziarahi orang sakit.
- (i) Nyatakan **dua** adab menjaga orang sakit dari aspek fizikal. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan baik kepada individu yang berada ketika menjaga orang sakit. [2 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

